



Headline: Pembantu operasi rugi RM49,000 ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Kosmo  
Date: 13 September 2018

Language: Malay  
Section: Negara  
Page: 15

## Pembantu operasi rugi RM49,000 ditipu Macau Scam

**KUANTAN** – Seorang pembantu operasi syarikat milik kerajaan negeri kerugian RM49,000 akibat diperdayakan sindiket Macau Scam hujung bulan lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa lelaki berusia 56 tahun itu mendakwa dihubungi seorang wanita pada 31 Ogos lalu memberitahu dirinya mempunyai pinjaman RM70,000 di sebuah bank.

Katanya, mangsa juga dimaklumkan bayaran balik pinjaman itu tertunggak sebanyak RM3,885.

“Mangsa diminta membuat laporan polis di Seremban dalam tempoh dua jam jika tidak mahu namanya disenaraihitamkan sebelum panggilan itu kemudiannya dikatakan disambungkan ke balai polis tersebut.

“Lelaki terbabit yang bercakap dengan ‘Sarjan Lau’ kemudiannya ditakutkan kononnya bersubahat dengan pengurus bank di Kuantan dalam jenayah pengubahan wang haram dan dadah,” katanya kepada pemberita semalam.

Mohd. Wazir memberitahu, mangsa diminta untuk melaporkan pergerakannya setiap dua jam menggunakan telefon bimbit sebelum diarahkan memindahkan wang ke dalam akaun bank kononnya milik mahkamah bagi tujuan siasatan.

Katanya, mangsa melakukan transaksi pemindahan wang sebanyak dua kali pada 3 dan 4 September lalu dan selepas itu, lelaki terbabit gagal menghubungi ‘inspektor’ yang dikatakan mengendalikan kes itu.

“Mangsa yang berasa ditipu membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Pekan semalam (kelmarin),” ujarnya.